



**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
PERSIARAN MAJLIS, JALAN SULTAN ALAM SHAH,
42700 BANTING, SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL : 03-3187 2825 FAKS : 03-3187 9304
www.mpkl.gov.my**

IKLAN JAWATAN KOSONG

NO. FAIL : MPKL/JKP/01/PERKH/024 JLD.5 (22)

Permohonan dipelawa kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun sehingga 56 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi jawatan seperti yang berikut:

BIL.	JAWATAN	GRED	TARAF	BILANGAN KEKOSONGAN
1.	PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA	J48	TETAP	1
2.	PEREKA	B29	KONTRAK	1
3.	PEMBANTU PENILAIAN	W19	KONTRAK	5

1. PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED J48

Taraf Jawatan : Tetap

Kekosongan : 1

Jadual Gaji : Gaji Minimum : RM5,208.00 – Gaji Maksimum : RM11,766.00

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a) Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- b) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang geografi, ekonomi, sains sosial, antropologi atau perangkaan yang diiktiraf oleh Kerajaan serta ijazah sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam serta ijazah sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- d) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina serta ijazah sarjana atau diploma lepas ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- e) kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

1.1 KENAIKAN PANGKAT KE GRED J48

Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J48 apabila telah:

- i. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- ii. memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- iii. diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan

Keutamaan diberikan kepada calon yang berdaftar dengan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM)

2. PEREKA GRED B29

Taraf Jawatan : Kontrak

Kekosongan : 1

Jadual Gaji : Gaji Minimum : RM1,499.00 – Gaji Maksimum : RM5,679.00

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

a) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00); atau

b) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00); atau

c) diploma dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,777.78) dan

d) kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Keutamaan diberikan kepada yang mahir menggunakan perisian Adobe Illustrator (Ai) dan Photoshop (Ps)

3. PEMBANTU PENILAIAN GRED W19

Taraf Jawatan : Kontrak

Kekosongan : 5

Jadual Gaji : Gaji Minimum : RM1,353.00 – Gaji Maksimum : RM4,005.00

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,353.00);atau
- b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40);atau
- c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80) dan
- d) kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Cara Memohon :

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan yang boleh diperolehi di Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Kuala Langat, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting atau muat turun dari laman web www.mpkl.gov.my.
- b) Permohonan daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan/ Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah melalui Ketua Jabatan mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- c) Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan dengan gambar berukuran pasport, salinan kad pengenalan pemohon, salinan kad pengenalan ibu dan bapa pemohon, salinan sijil kelahiran pemohon, salinan sijil kelahiran ibu dan bapa pemohon, salinan sijil-sijil akademik dan ko-kurikulum serta salinan sijil-sijil penghargaan yang telah diakui sah oleh Wakil Rakyat/ Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan & Profesional/ Pengetua/ Guru Besar/ Penghulu/ Ketua Kampung>Nama jawatan hendaklah dicatat di penjuru kanan sampul surat.
- d) Sijil dan diploma perlu disertakan bersama-sama surat pengiktirafan kelayakan perkhidmatan awam dari Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*)
- e) Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak dan hanya calon-calon yang layak melepassi tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
- f) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan adalah tidak berjaya.
- g) Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar selewat-lewatnya jam 4.30 petang pada tarikh tutup permohonan ke :

**Bahagian Sumber Manusia,
Jabatan Khidmat Pengurusan,
Majlis Perbandaran Kuala Langat,
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah,
42700 BANTING**

- h) Tarikh permohonan pada **23 September sehingga 6 Oktober 2022**.